

08/02/2003

Dr Mahathir sampaikan mesej penting untuk belia

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan diberi penghormatan menyampaikan mesej penting kepada lebih 15,000 belia yang dijangka berhimpun sempena Hari Belia Negara 2003 pada 15 Mei depan.

Ia adalah mesej terakhir Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri sempena Hari Belia sebelum meletak jawatan pada Oktober.

Sehubungan itu, Kementerian Belia dan Sukan memutuskan untuk mengadakan sambutan yang sebelum ini diputuskan diadakan di peringkat negeri ke Wilayah Persekutuan.

Menterinya, Datuk Hishamuddin Hussein, berkata mesyuarat jawatankuasa sambutan Hari Belia 2003 semalam bersetuju untuk memberi penghormatan berkenaan kepada Perdana Menteri.

Katanya, perhimpunan itu akan diadakan sama ada di Stadium Putra atau Stadium Melawati dan bakal muncul perhimpunan Hari Belia terbesar pernah diadakan setakat ini.

"Memandangkan ini kali terakhir Perdana Menteri menyertai perhimpunan Hari Belia, kita harap mesej yang akan beliau sampaikan sekurang-kurangnya memberi gambaran dan harapan beliau kepada belia negara ini.

"Belia yang berhimpun nanti akan turut berikrar mereka akan terus mendukung wawasan Dr Mahathir," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat itu semalam.

Hishamuddin berkata, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula akan menjadi tetamu kehormat pada konvensyen sempena sambutan Hari Belia Negara.

Konvensyen itu akan memberi ruang kepada Abdullah menyatakan wawasan beliau apabila mengambilalih tampuk kepimpinan negara kelak.

Katanya, tema sambutan Hari Belia tahun ini akan diputuskan pada mesyuarat akan datang dan ia akan mengambil kira isu globalisasi, keamanan, integrasi nasional dan patriotisme.